

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM Kuala Lumpur - UUMKL
Sent: Thursday, November 22, 2018 10:23 AM
To: uumkl@student.uum.edu.my; UUM - All Staff
Subject: TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR): IMPLIKASI DAN KEBERKESANANNYA



UUM Kuala Lumpur
Universiti Utara Malaysia

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum w.b.t / Salam Sejahtera / Good Day



UUMKL ONLINE: Pada 18 November 2018, satu Forum bertajuk 'Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR): Implikasi dan Keberkesanannya' anjuran pelajar-pelajar *Ethics, Law and CSR* telah diadakan di UUMKL. Tetamu jemputan yang juga ahli panel Forum adalah Pn. Siti Hajar Binti Jelani (Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat), En.Mohd Nasri Bin Nordin (Pengurus Besar, *Ronald McDonald House Charity*) dan En.Kuan Chee Heng (Pengasas '*Community Policing Malaysia*').

Forum ini turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Akademik UUMKL, Dr. Ahmad Rizal Bin Mazlan. Forum tersebut merupakan salah satu tugas pelajar dan ianya telah memberikan peluang kepada mereka untuk mendekati pihak yang terlibat secara langsung dalam aktiviti CSR di Malaysia.

Pn. Siti Hajar Jelani di dalam hujahnya berpendapat bahawa *CSR* adalah suatu usaha yang berterusan dan menyeluruh, ia bukan sahaja tertumpu kepada satu organisasi sahaja, malahan ia boleh bermula dari individu. Hal ini disokong oleh Encik Mohd Nasri Nordin yang turut menyatakan usaha *CSR* menguntungkan semua pihak, dimana pengecualian cukai sebanyak 7% diberi kepada sektor korporat oleh pihak kerajaan. Di dalam Forum ini Encik Kuan Chee Heng yang aktif dengan kerja-kerja kebajikan telah mencadangkan supaya beberapa langkah berbentuk peraturan dan undang-undang seperti larangan pengabaian ibu bapa diusulkan kepada pihak kerajaan. Menurut beliau banyak kes ibu bapa diabaikan dan dihantar ke rumah jagaan orang tua oleh anak-anak dan pihak *Non-Governmental Organization (NGO)* sepertinya akan berusaha untuk mendapatkan sumbangan dari pihak korporat untuk disalurkan kepada pihak yang memerlukan.

Sebagai penutup majlis, Dr Ahmad Rizal diiringi Prof. Madya Dr Ruzita selaku pensyarah bagi subjek *Ethics, Law and CSR* telah menyampaikan cenderamata sebagai tanda kenangan dan penghargaan kepada pihak panel jemputan. Majlis tamat pada 1.30 petang dan disusuli dengan jamuan makan tengah hari di Academia Cafe UUMKL.

Tamat.

UUM Kuala Lumpur | Unit Akademik | 41-3, Jalan Raja Muda Abdul Aziz | 50300 Kuala Lumpur | Malaysia
Tel: +603 2610 3000/3012/3014/3046 | Fax: +603 2694 9228 | website: uumkl.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.